

Najib Doa Empat Mangsa Helikopter Terhempas Cepat Sembuh
Bernama
Jan 1, 2015

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mendoakan empat mangsa helikopter terhempas di Tanah Merah, Kelantan semalam supaya cepat sembuh.

"Alhamdulillah kesemua empat orang selamat dalam kemalangan helikopter @PDRMsia ketika misi hantar makanan kepada mangsa-mangsa banjir.

"Moga cepat sembuh," katanya dalam catatan di laman Facebook dan Twitter beliau.

Dalam kejadian 6.30 petang semalam, helikopter jenis Ecureuil milik Polis Diraja Malaysia yang dinaiki mereka terhempas ketika dalam misi menghantar bantuan kepada mangsa banjir di Kampung Rambai, Tanah Merah.

Bagaimanapun, dua juruterbang dan dua kru pesawat berkenaan disahkan selamat.

Beberapa saksi memberitahu helikopter itu dilihat terbang rendah dan berlegar-legar sebelum kedengaran seperti ada letupan sedikit, dan terus menjunam ke darat.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1097373>